

10 FEB 2001

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat MT

KUALA LUMPUR, 10 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di ibu pejabat parti di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat itu dijangka memberi tumpuan kepada perkembangan mengenai cadangan mengadakan pertemuan antara Perdana Menteri, selaku Presiden Umno, dengan Presiden PAS Datuk Fadzil Noor bagi membincangkan soal perpaduan Melayu.

Setiausaha agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dijangka memaklumkan kepada Majlis Tertinggi hasil perbincangannya dengan setiausaha agung PAS Nasharuddin Mat Isa dua hari lepas berhubung pertemuan antara kedua-dua pemimpin.

Mesyuarat itu juga dijangka membincangkan mengenai perhimpunan "Tak Melayu Hilang di Dunia" anjuran Badan Bertindak Melayu yang diadakan Ahad lepas.

Perhimpunan itu yang dikatakan bertujuan membincangkan kepentingan bangsa Melayu, dilaporkan bertukar menjadi medan mengkritik pemimpin Umno dan dasar-dasar kerajaan.

-- BERNAMA

NZ AZZ RON